

KAJIAN MENGENAI PENGGUNAAN KOSTUM KULIT
DALAM FILEM AKSI.

OLEH:

AYUNIZAR AZURA ABDUL MALED

97070192

IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA FESYEN

JABATAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2000 / 2001

SINOPSIS...

Tujuan kajian penulis adalah untuk mengkaji dan membuat penyelidikan tentang penggunaan kostum kulit yang meluas didalam pembikinan sesebuah filem aksi. Sehubungan dengan itu, penulis telah membahagikan skop kajian kepada dua bahagian iaitu pengenalan mengenai filem aksi dan filem yang mempunyai penggunaan kostum kulit dalam pembikinannya.

Namun, batas kajian penulis tidak mengkhususkan seratus peratus (100%) terhadap filem tempatan kerana jumlahnya yang sedikit berbanding filem antarabangsa.

Selain mengkaji tentang filem aksi dan kostumnya, kajian penulis merangkumi pengajaran yang terkandung disebalik jalan cerita dan aspek pendidikan yang hendak disampaikan menerusinya, walaupun pada dasarnya , tanggapan sesetengah pihak mengatakan bahawa filem aksi memberikan kesan negatif kepada penonton.

KAEDAH...

Dalam menjalankan kajian mengenai kostum kulit yang digunakan didalam filem aksi, penulis telah menggunakan beberapa kaedah bagi memudahkan jalan kerja, antaranya:

1. DATA PRIMA...

1. Penulis telah menjalankan tugas luar iaitu dengan membuat pemerhatian terhadap beberapa buah kedai yang menjalankan perniagaan kulit disekitar Petaling Street dan Uda Ocean, Kuala Lumpur.
2. Penulis juga telah pergi ke Kedutaan Fiji di Kuala Lumpur untuk menjalankan kajian.
3. Penulis telah membuat pemerhatian terhadap beberapa buah filem yang berkenaan dengan tajuk tesis.

ISI KANDUNGAN..

HALAMAN..

HALAMAN PEMERIKSA.....	II
SEKAPUR SIREH	III
SINOPSIS.....	VI
KAEDAH.....	VIII
KEPUTUSAN.....	X
SENARAI LAMPIRAN.....	XI

BAB SATU

1.1 Pengenalan.....	1 - 4
1.2 Filem Aksi.....	5 - 10
1.3 Filem Peperangan.....	11 - 22

BAB DUA

2.1 Filem aksi yang mempunyai kostum kulit.....	23 - 25
2.2 Cara penggunaan. Pilihan kostum (Hercules).....	26 - 33

PENGENALAN...

Filem yang pertama dihasilkan adalah berkeadaan hitam putih, menggambarkan keadaan yang lalu , imbasan kepada kejadian yang telah berlaku. Dimana berlakunya Perang Dunia Pertama, seperti dalam mimpi, itulah yang kita ingati sehingga sekarang. ¹

Sehingga terciptanya televisyen, tiada pengaruh persekitaran yang kuat terhadap masyarakat selain dari filem. Hollywood menjadi pusat mitos, iaitu simbol impian Amerika. Semuanya mempunyai potensi untuk diketengahkan dan diasah oleh direktor filem. Berjaya dalam cinta, didalam kewangan dan didalam karier, segalanya berkemungkinan di Hollywood, begitu juga dengan filem yang di hasilkan disana. Masyarakat sekeliling terpengaruh dengan glamour dan kejayaan filem disana. Malah mereka menamakan bayi mereka sempena nama bintang filem kegemaran mereka dan memakai pakaian mengikut fesyen bintang filem mereka itu. Apabila Clark Gable muncul dalam

¹ Jay, Hyams., *War Movies*, (New York: Gallery Books, 1984), 206.